




UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***ANALISIS SISTEM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI SEKOLAH MENENGAH DARIPADA PERSPEKTIF
TEKNOLOGI PRESTASI MANUSIA***

NOR SAKINAH MOHAMAD

FPP 2012 85


**ANALISIS SISTEM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH
DARIPADA PERSPEKTIF
TEKNOLOGI PRESTASI MANUSIA**



**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2012

**ANALISIS SISTEM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI SEKOLAH MENENGAH DARIPADA PERSPEKTIF
TEKNOLOGI PRESTASI MANUSIA**



**Tesis Ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi
Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2012

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**ANALYSIS OF TEACHING AND LEARNING SYSTEMS IN
SECONDARY SCHOOLS FROM THE PERSPECTIVE OF
HUMAN PERFORMANCE TECHNOLOGY**

By

NOR SAKINAH MOHAMAD

January 2012

Chairman: **Prof. Wan Zah Wan Ali, PhD**

Faculty: **Educational Studies**

Educational Technology often focuses on efforts to improve performance in teaching and learning. Specifically, the sub-field of Human Performance Technology emphasizes on solving performance-related problems by using a systems thinking perspective. Hence, this research was conducted to identify the elements found in the five components of teaching and learning systems and how these elements interact with each other. The five components of teaching and learning systems were orientation, process, environment of support, environment of feedback and output. In this context, the research focused on teaching and learning of mathematics in secondary schools. Specifically, the research objectives were (a) to identify the elements in each component of teaching and learning mathematics systems, (b) to identify the similarities and differences of the elements in each teaching and learning mathematics systems among Mathematics teachers and (c) to identify the interactions between the elements of teaching and learning mathematics systems.

This research used a qualitative method involving nine Mathematics and Additional Mathematics teachers and nine students. They were selected from four types of secondary schools in the districts of Klang and Hulu Langat. The schools were National Secondary School, National-Type Secondary School, National Religious Secondary School and Fully Residential School. Data were collected through in-depth interview and observation. The data were then analyzed using continuous comparison method.

Results from the analysis indicated that there was one element in the orientation component of teaching and learning mathematics systems, which was examination oriented. Next, there were six elements in the process component of teaching and learning mathematics systems namely instructional design, classroom management, monitoring, assessment and evaluation, teacher, student and curriculum. Subsequently, there were five elements in the environment of support component of teaching and learning mathematics systems which were management, teaching/learning, infrastructure/facilities, student/teacher/parents/society and technology. Consequently, there were two elements in the environment of feedback component of teaching and learning mathematics systems which were teaching/learning and monitoring/assessment/evaluation. Finally, there were two elements in the output component of the teaching and learning mathematics systems, which were teacher and student performance. Each of these elements consists of several sub-elements which details the characteristics of each component.

In terms of similarity, it was found that the element in the orientation component of teaching and learning mathematics systems for each different Mathematics teachers was examination oriented. Conversely, elements in the other four main components showed significant differences due to contextual influence on teachers and their

teachings. However, these differences were still inclined towards fulfilling the same element in the orientation component of teaching and learning mathematics systems, which was examination oriented.

Furthermore, this research found that there was a relationship between the five main components in each different teacher's teaching and learning mathematics systems. This relationship explained the reasons which limit mathematical performance in secondary schools. Findings from this study implies that in order to overcome the problem of performance in teaching and learning mathematics, it is important to see and understand in depth the teaching and learning as a whole system.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**ANALISIS SISTEM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI SEKOLAH MENENGAH DARIPADA PERSPEKTIF
TEKNOLOGI PRESTASI MANUSIA**

Oleh

NOR SAKINAH MOHAMAD

Januari 2012

Pengerusi: Prof. Wan Zah Wan Ali, PhD

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Teknologi Pendidikan sentiasa memberikan penumpuan terhadap usaha penambahbaikan prestasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Secara khusus, sub-bidang Teknologi Prestasi Manusia memberi penekanan ke arah menyelesaikan masalah prestasi melalui penggunaan perspektif pemikiran bersistem. Justeru kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti elemen yang terdapat dalam lima komponen utama sistem pengajaran dan pembelajaran serta bagaimana elemen dalam komponen tersebut saling berinteraksi antara satu sama lain. Lima komponen dalam sistem pengajaran dan pembelajaran tersebut terdiri daripada hala tuju, proses, persekitaran sokongan, persekitaran maklum balas dan hasil. Dalam konteks ini, kajian ditumpukan kepada pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran matematik di sekolah menengah. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk (a) mengenal pasti elemen dalam setiap komponen sistem pengajaran dan pembelajaran matematik, (b) meneliti persamaan dan perbezaan elemen dalam setiap sistem pengajaran dan pembelajaran matematik dalam

kalangan guru matematik (c) mengenal pasti interaksi antara elemen dalam sistem pengajaran dan pembelajaran matematik.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan sembilan orang guru Matematik dan Matematik Tambahan serta sembilan orang pelajar. Mereka dipilih daripada empat jenis sekolah menengah di daerah Klang dan Hulu Langat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Berasrama Penuh. Data dikumpul menggunakan temu bual mendalam dan pemerhatian. Data yang diperolehi seterusnya telah dianalisis menggunakan kaedah perbandingan berterusan.

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat satu elemen dalam komponen hala tuju sistem pengajaran dan pembelajaran iaitu ianya berorientasikan peperiksaan. Seterusnya, terdapat enam elemen dalam komponen proses sistem pengajaran dan pembelajaran iaitu reka bentuk pengajaran, pengurusan bilik darjah, pemantauan, pentaksiran dan penilaian, guru, pelajar dan kurikulum. Selanjutnya, terdapat lima elemen dalam komponen persekitaran sokongan sistem pengajaran dan pembelajaran iaitu pengurusan / pentadbir, pengajaran / pembelajaran, infrastruktur / kemudahan, pelajar / guru / ibu bapa / masyarakat dan teknologi. Seterusnya, terdapat dua elemen dalam komponen persekitaran maklum balas iaitu pengajaran / pembelajaran dan pemantauan / pentaksiran / penilaian. Akhirnya, terdapat dua elemen dalam komponen hasil sistem pengajaran dan pembelajaran iaitu prestasi guru dan prestasi pelajar. Setiap elemen ini pula mengandungi beberapa sub-elemen yang memperincikan lagi ciri setiap komponen.

Dari segi persamaan elemen dalam sistem pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru matematik, didapati elemen dalam komponen hala tuju sistem pengajaran dan pembelajaran bagi setiap guru adalah berorientasikan peperiksaan. Sebaliknya, elemen dalam empat komponen utama lain menunjukkan perbezaan yang ketara disebabkan pengaruh konteks ke atas guru dan pengajarannya. Namun, perbezaan tersebut kelihatan masih menjurus ke arah memenuhi elemen dalam komponen hala tuju sistem pengajaran dan pembelajaran yang sama iaitu berorientasikan peperiksaan.

Selanjutnya, kajian ini mendapati wujud perkaitan di antara lima komponen utama dalam setiap sistem pengajaran dan pembelajaran guru matematik yang dikaji. Perkaitan ini menjelaskan sebab-sebab yang membataskan prestasi Matematik di sekolah menengah. Dapatan kajian ini membawa implikasi bahawa bagi mengatasi masalah prestasi dalam pengajaran dan pembelajaran, adalah penting pengajaran dan pembelajaran tersebut dilihat dan difahami secara mendalam sebagai satu sistem yang menyeluruh.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT serta selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW. Akhirnya, kajian dan penulisan tesis sudah sampai ke penghujung. Rasa syukur tidak dapat dilafazkan dengan kata-kata. Ucapan penghargaan kepada semua yang terlibat memberi sokongan dan meringankan beban sepanjang proses ini.

Pertama sekali, setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Dr. Wan Zah binti Wan Ali selaku penyelia utama yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga tesis ini dapat disiapkan. Banyak kesilapan khususnya, penulisan yang tidak konsisten serta adab telah beliau betulkan. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada jawatan kuasa penyelia iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Majid bin Konting dengan pemikiran kritisnya serta Prof. Madya Dr. Mat Rofa bin Ismail yang selalu mengingatkan tentang kesepaduan ilmu serta falsafah.

Ucapan terima kasih juga dihulurkan buat ahli jawatan kuasa pemeriksa iaitu Prof. Dr. Aida Suraya bt Md Yunus. Prof. Madya Dr. Rohani bt Ahmad Tarmizi, Prof. Dr. Saedah Binti Siraj dan Dr Ahmad Fauzi bin Mohd Ayub yang telah menyemak dan memberi maklum balas untuk memantapkan lagi penulisan tesis. Segala ilmu dan khidmat yang diberikan amat dihargai.

Ucapan penghargaan juga tidak dilupakan buat semua kakitangan akademik Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia dan juga kakitangan akademik Fakulti Pendidikan dan Pusat PERMATApintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah mengukuhkan asas pendidikan kepada saya. Terima kasih juga diucapkan kepada pentadbir Fakulti dan Sekolah Pengajian Siswazah dari Universiti Putra Malaysia serta

Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberi sokongan berterusan sepanjang pengajian.

Seterusnya buat rakan-rakan PhD satu kohort yang telah mengikuti pengajian mod kerja kursus dan penyelidikan buat julung kali di UPM dan telah mengharungi suka dan duka bersama khususnya Zahorin, semoga segala pengorbanan kalian mendapat berkat.

Ucapan yang paling teristikewa buat suami tercinta Mohd Zainaphi Zainal di atas segala pengorbanan, pengertian, sokongan dan kasih sayang yang diterima selama ini bersama anak-anak tersayang Muhammad Faiz Hilmi, Naiyyah Syakirah, Muhammad Faris Fahmi dan Muhammad Farid Fakhri. Begitu juga kepada semua ahli keluarga khususnya ibu dan bapa.

Kepada teman-teman seperjuangan khususnya Prof. Dr. Noriah Mohd Ishak dan Dr. Siti Fatimah Mohd Yassin yang sentiasa memberikan semangat ketika senang dan susah serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, segala jasa baik hanya Allah SWT sahaja dapat membalaunya. Semoga tesis ini bermanfaat kepada semua pihak. Akhir kata, saya berdoa semoga Allah SWT memberikan petunjuk dan rahmatNya kepada semua.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada 12 Januari 2012 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nor Sakinah Mohamad bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Analisis Sistem Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Menengah daripada Perspektif Teknologi Prestasi Manusia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Fauzi bin Mohd Ayub, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Tesis)

Aida Suraya bt Md Yunus, PhD

Profesor
Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Rohani bt Ahmad Tarmizi, PhD

Profesor Madya
Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Saedah Binti Siraj, PhD

Profesor
Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

SEOW HENG FONG, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 27 Ogos 2012

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Wan Zah Wan Ali, PhD

Profesor

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mat Rofa Ismail, PhD

Profesor Madya

Fakulti Sains
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohd Majid Konting, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



JADUAL KANDUNGAN

| | Halaman |
|--------------------------|--|
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | v |
| PENGHARGAAN | viii |
| PENGESAHAN | x |
| PERAKUAN | xii |
| KANDUNGAN | xiii |
| SENARAI JADUAL | xvii |
| SENARAI ILUSTRASI | xix |
| SENARAI SINGKATAN | xx |
| BAB | |
| I | |
| | PENDAHULUAN |
| 1.1 | Pengenalan |
| 1.2 | Teknologi Pendidikan, Teknologi Prestasi Manusia dan Pemikiran Bersistem |
| 1.3 | Analisis Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Model Sistem Prestasi Manusia |
| 1.4 | Pernyataan Masalah |
| 1.5 | Tujuan Kajian |
| 1.6 | Objektif Kajian |
| 1.7 | Persoalan Kajian |
| 1.8 | Kepentingan Kajian |
| 1.9 | Batasan Kajian |
| 1.10 | Definisi Istilah |
| | 1.10.1 Prestasi |
| | 1.10.2 Teknologi Prestasi Manusia |
| | 1.10.3 Sistem Pengajaran dan Pembelajaran |
| | 1.10.4 Hala Tuju Sistem Pengajaran dan Pembelajaran |
| | 1.10.5 Proses Sistem Pengajaran dan Pembelajaran |
| | 1.10.6 Persekutuan Sokongan Sistem Pengajaran dan Pembelajaran |
| | 1.10.7 Persekutuan Maklum Balas Sistem Pengajaran dan Pembelajaran |
| | 1.10.8 Hasil Sistem Pengajaran dan Pembelajaran |
| | 19 |
| II | |
| | TINJAUAN LITERATUR |
| 2.1 | Pengenalan |
| 2.2 | Perkembangan Bidang Teknologi Pendidikan |
| | 2.2.1 Ringkasan Istilah dalam Definisi Baru dan Implikasi |
| | 2.2.2 Maklum Balas dan Kritikan Terhadap Definisi Baru |
| | 2.2.3 Perkembangan Kajian dalam Bidang Teknologi Pendidikan |
| 2.3 | Perkembangan Bidang Teknologi Prestasi Manusia |
| | 2.3.1 Andaian Teknologi Prestasi Manusia |
| | 2.3.2 Definisi Teknologi Prestasi Manusia |
| | 2.3.3 Model Teknologi Prestasi Manusia |
| | 2.3.4 Prestasi, Sistem Prestasi dan Sistem Prestasi Tinggi |
| | 2.3.5 Pengajaran Sebagai Intervensi ke Arah Usaha Penambahbaikan Prestasi |
| | 41 |

| | | |
|------------|---|-----|
| | 2.3.6 Teori Sistem, Teori Kompleks dan Sistem Kompleks | 43 |
| | 2.3.7 Pemikiran Bersistem | 45 |
| 2.4 | Kajian Tentang Pengajaran dan Pembelajaran Konvensional | 49 |
| 2.5 | Kajian Tentang Sistem Pengajaran dan Pembelajaran | 52 |
| | 2.5.1 Model Pembelajaran Akademik Pelajar | 55 |
| 2.6 | Teori dan Model Pengajaran dan Pembelajaran Matematik | 56 |
| | 2.6.1 Kitaran Pembinaan Konsep Matematik | 59 |
| 2.7 | Perbincangan dan Implikasi Kajian Penambahbaikan Prestasi | 64 |
| 2.8 | Kerangka Teoritikal Kajian | 67 |
| 2.9 | Kerangka Konseptual Kajian | 71 |
| 2.10 | Rumusan | 73 |
| III | METODOLOGI | |
| 3.1 | Pengenalan | 74 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 75 |
| 3.3 | Instrumen Kajian | 78 |
| 3.4 | Subjek Kajian | 83 |
| 3.5 | Proses Pengumpulan Data | 87 |
| | 3.5.1 Memasuki Kerja Lapangan | 89 |
| | 3.5.2 Bentuk Data | 90 |
| | 3.5.3 Temu Bual | 91 |
| | 3.5.4 Pemerhatian | 94 |
| | 3.5.5 Kajian Rintis | 95 |
| | 3.5.6 Mengurus dan Menyimpan Data | 95 |
| | 3.5.7 Jangka Masa Proses Pengumpulan Data | 96 |
| 3.6 | Analisis Data | 97 |
| | 3.6.1 Analisis Peringkat Awal | 99 |
| | 3.6.2 Bina Tipologi, Konsep dan Saranan Teori | 101 |
| | 3.6.3 Analisis Menggunakan NVIVO | 103 |
| 3.7 | Kaedah Pengesahan dan Kebolehpercayaan | 111 |
| 3.8 | Rumusan | 119 |
| IV | DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 121 |
| 4.2 | Profil Sekolah | 122 |
| | 4.2.1 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama A | 123 |
| | 4.2.2 Sekolah Menengah Kebangsaan B | 123 |
| | 4.2.3 Sekolah Menengah Kebangsaan C | 124 |
| | 4.2.4 Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina D | 124 |
| | 4.2.5 Sekolah Menengah Kebangsaan E | 124 |
| | 4.2.6 Sekolah Berasrama Penuh F | 125 |
| 4.3 | Profil Responden Guru | 125 |
| | 4.3.1 Cikgu Zuriani | 126 |
| | 4.3.2 Cikgu Zulaikha | 127 |
| | 4.3.3 Cikgu Leela | 128 |
| | 4.3.4 Cikgu Gan | 129 |
| | 4.3.5 Cikgu Chua | 130 |
| | 4.3.6 Cikgu Azida | 131 |
| | 4.3.7 Cikgu Lam | 131 |
| | 4.3.8 Cikgu Hasni | 132 |
| | 4.3.9 Cikgu Mahani | 133 |
| 4.4 | Profil Responden Pelajar | 134 |

| | | |
|----------|---|-----|
| 4.4.1 | Sarah | 134 |
| 4.4.2 | Hafiz | 135 |
| 4.4.3 | Liza | 135 |
| 4.4.4 | Ahmad | 136 |
| 4.4.5 | Aminah | 136 |
| 4.4.6 | Tan | 137 |
| 4.4.7 | Faris | 137 |
| 4.4.8 | Hawa | 138 |
| 4.4.9 | Arif | 138 |
| 4.4.10 | Rumusan Profil | 139 |
| 4.5 | Elemen Yang Timbul dalam Sistem Pengajaran dan Pembelajaran | 139 |
| 4.6 | Komponen Hala Tuju Sistem Pengajaran dan Pembelajaran | 141 |
| 4.6.1 | Elemen Hala Tuju Berorientasikan Peperiksaan | 142 |
| 4.6.2 | Rumusan kecil: Komponen Hala Tuju | 148 |
| 4.7 | Komponen Proses Pengajaran Sistem Pengajaran dan Pembelajaran | 150 |
| 4.7.1 | Elemen Reka Bentuk Pengajaran | 151 |
| 4.7.2 | Elemen Pengurusan Bilik Darjah | 162 |
| 4.7.3 | Elemen Pemantauan, Pentaksiran dan Penilaian | 167 |
| 4.7.4 | Elemen Guru | 171 |
| 4.7.5 | Elemen Pelajar | 191 |
| 4.7.6 | Elemen Kurikulum | 210 |
| 4.7.7 | Rumusan Kecil: Komponen Proses Pengajaran | 214 |
| 4.8 | Komponen Persekutaran Sistem Pengajaran dan Pembelajaran | 215 |
| 4.8.1 | Komponen Persekutaran Sokongan | 217 |
| 4.8.2 | Komponen Persekutaran Maklum balas | 224 |
| 4.8.3 | Rumusan Kecil: Komponen Persekutaran | 226 |
| 4.9 | Komponen Hasil Sistem Pengajaran dan Pembelajaran | 226 |
| 4.9.1 | Elemen Prestasi Pelajar | 227 |
| 4.9.2 | Elemen Prestasi Guru | 230 |
| 4.9.3 | Rumusan Kecil: Komponen Hasil | 232 |
| 4.10 | Persamaan dan Perbezaan Elemen Sistem Pengajaran dan Pembelajaran | 233 |
| 4.10.1 | Contoh Kes: Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Cikgu Mahani di Sekolah Berasrama Penuh | 236 |
| 4.10.2 | Contoh Kes: Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Cikgu Chua di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina | 248 |
| 4.10.3 | Contoh Kes: Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Cikgu Zulaikha di Sekolah Menengah Kebangsaan | 258 |
| 4.11 | Memahami Interaksi Elemen dalam Sistem Pengajaran dan Pembelajaran ke Arah Usaha Penambahbaikan Prestasi | 270 |
| 4.12 | Rumusan | 279 |
| V | PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN | |
| 5.1 | Pengenalan | 281 |
| 5.2 | Perbincangan | 282 |
| 5.2.1 | Menangani Masalah Prestasi Melalui Pemikiran Bersistem | 282 |
| 5.2.2 | Hala Tuju Sistem Pengajaran dan Pembelajaran | 285 |
| 5.2.3 | Proses Sistem Pengajaran dan Pembelajaran | 290 |
| 5.2.4 | Persekutaran Sistem Pengajaran dan Pembelajaran | 305 |

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.2.5 | Hasil Sistem Pengajaran dan Pembelajaran | 309 |
| 5.2.6 | Elemen Saling Berinteraksi Antara Satu Sama Lain | 311 |
| 5.3 | Rumusan Kajian | 314 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | 316 |
| 5.4.1 | Paradigma Pendidikan Bersepadu | 317 |
| 5.4.2 | Reka bentuk Bersepadu | 318 |
| 5.4.3 | Teori Holistik atau Model Bersepadu | 320 |
| 5.4.4 | Pendidikan Guru Bersepadu | 321 |
| 5.5 | Cadangan | 321 |
| 5.5.1 | Cadangan perlaksanaan | 322 |
| 5.5.2 | Cadangan kajian | 322 |
| 5.6 | Penutup | 324 |
| | BIBLIOGRAFI | 326 |
| | LAMPIRAN A – PERMERHATIAN | 346 |
| | LAMPIRAN B – BORANG KEBENARAN | 348 |
| | LAMPIRAN C - PROTOKOL TEMU BUAL | 349 |
| | LAMPIRAN D – PENGESAHAN TRANSKRIP | 350 |
| | LAMPIRAN E - TRANSKRIP TEMU BUAL | 351 |
| | LAMPIRAN F – JEJAK AUDIT | 364 |
| | BIODATA PELAJAR | 365 |